



Perkasakan Bahasa Kita



TEMA 12

Negaraku Jati Diriku



Berdasarkan bahan, tulis rumusan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

- Farhana: Kakak sedang menaip apa?
- Mardiah: Kakak sedang menaip laporan tahunan pejabat.
- Farhana: Sudah siapakah laporan itu?
- Mardiah: Belum lagi. Sebentar tadi, kakak melayari laman sesawang PRPM. Kakak mencari kosa kata dan istilah yang sesuai untuk digunakan dalam laporan kakak.
- Farhana: Apakah PRPM, kak?
- Mardiah: PRPM ialah singkatan bagi Pusat Rujukan Persuratan Melayu. PRPM merupakan gerbang maya yang disediakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Hana belum pernah menggunakan perkhidmatannya?
- Farhana: Belum, kak. Apakah perkhidmatan yang disediakan oleh PRPM?
- Mardiah: PRPM menyediakan perkhidmatan kamus secara dalam talian, tesaurus, peribahasa, simpulan bahasa, buku yang berkaitan dengan perkataan yang dicari, kamus teknologi, kamus sains dan banyak lagi.
- Farhana: Bagaimanakah caranya untuk menggunakan perkhidmatan kamus secara dalam talian dengan menggunakan PRPM, kak?
- Mardiah: Caranya mudah sahaja. Mula-mula, Hana perlu melayari gerbang maya ini. PRPM dapat diakses melalui <http://prpm.dbp.gov.my>. Kemudian, taip perkataan yang mahu Hana cari maknanya di ruang yang disediakan. Kemudian, klik butang "Cari". Enjin carian akan mencari dan menyenaraikan makna perkataan tersebut dengan pantas.
- Farhana: Wah, mudahnya! Selepas ini, jika Farhana ada masalah untuk menulis karangan bahasa Melayu, bolehlah Farhana menggunakan PRPM.
- Mardiah: Boleh, Farhana. PRPM bukan sahaja bermanfaat kepada murid tetapi juga kepada golongan profesional seperti kakak.
- Farhana: Sebagai golongan profesional, mengapakah kakak menulis laporan kerja dalam bahasa Melayu? Bukankah bahasa Inggeris lebih standard?
- Mardiah: Farhana, bahasa merupakan lambang jati diri yang utama. Bahasa mencerminkan bangsa, agama, budaya dan negara. Oleh itu, kita perlulah memartabatkan dan memperkasakan penggunaan bahasa Melayu. Tambahan pula, bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan negara kita.
- Farhana: Benar, kak. Saya amat bersetuju dengan pendapat kakak.

PERKHIDMATAN



PRODUK



146

3.5.1 Menulis ringkasan dan merumus pelbagai bahan prosa dengan betul menggunakan ayat yang gramatis.

© 2017 Dewan Bahasa dan Pustaka. Semua hak cipta terpeliharakan. Google Chrome versi 50 atau lebih, dengan resolusi skrin 1280x1024.

Jawab soalan-soalan berikut.

1. Apakah PRPM?

2. Apakah perkhidmatan yang disediakan oleh PRPM?

3. Jelaskan langkah penggunaan perkhidmatan kamus secara dalam talian.